

16/04/1997

Pahang perlukan garis panduan

KUANTAN, Selasa - Kerajaan Pahang belum bercadang menubuhkan bandar siber atau koridor multimedia di negeri ini walaupun Kerajaan Persekutuan sedang pesat membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri perlu mendapatkan garis panduan Kerajaan Persekutuan sekiranya berminat menubuhkan bandar itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis dialog dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai MSC, melalui persidangan video, di sini, hari ini.

(END)